



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN DAN IMPAK MEKANISMA TADBIR URUS KORPORAT TERHADAP PRESTASI SYARIKAT

NOORUL FARHA BINTI MOHD JUMALI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PERAKAUNAN (PERAKAUNAN)
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti hubungan dan impak di antara mekanisme tadbir urus korporat dalaman dan luaran terhadap prestasi syarikat bagi syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia dalam sektor Perdagangan dan Perkhidmatan dari tahun 2007 sehingga tahun 2013. Data di analisis dengan menggunakan Statistik Deskriptif, Korelasi Pearson, dan Regresi Linear Berganda. Statistik Deskriptif menjelaskan nilai purata, Korelasi Pearson menerangkan hubungan dan Regresi Linear Berganda pula menerangkan impak di antara mekanisma tadbir urus korporat dalaman dan luaran terhadap prestasi syarikat. Prestasi syarikat di ukur dengan menggunakan Pulangan Atas Aset (ROA) dan Tobin's Q. Dapatan kajian menunjukkan saiz lembaga pengarah, kepakaran jawatankuasa audit, saiz jawatankuasa audit dan kualiti audit mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan ROA dan Tobin's Q. Bagi mesyuarat jawatankuasa audit pula, ia mempunyai hubungan yang signifikan dan positif terhadap Tobin's Q dan tidak signifikan terhadap ROA. Seterusnya, CEO dualiti dan lembaga pengarah bebas tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan ROA dan Tobin's Q. Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan mekanisma tadbir urus korporat dalaman dan luaran mampu memberi kesan kepada prestasi syarikat. Tadbir urus korporat yang baik adalah penting untuk meningkatkan prestasi syarikat. Implikasi kajian ini adalah ia dapat memberi kesan kepada pelbagai pihak dan di antaranya adalah pelabur, institusi kewangan, ahli akademik, syarikat korporat, dan kerajaan di dalam membuat pertimbangan, keputusan atau penambahbaikan terhadap tadbir urus korporat dan prestasi syarikat.

Kata kunci: Mekanisma Tadbir Urus Korporat, Kualiti Audit, Prestasi Syarikat.





RELATIONSHIP AND IMPACT OF CORPORATE GOVERNANCE MECHANISMS TOWARDS COMPANIES PERFORMANCE

ABSTRACT

This research aims to investigate the relationship and impact between the internal and external mechanisms of corporate governance towards the company's performance for the companies listed on the Stock Exchange Malaysia in trading and services sector from 2007 to 2013. The data were analyzed using descriptive statistics, Pearson Correlation, and Multiple Linear Regression. Descriptive statistics show the average value, Pearson Correlation describes the relationship and Multiple Linear Regression describes the impact of internal and external mechanisms of corporate governance towards the company's performance. The company's performance is measured by Return on Assets (ROA) and Tobin's Q. The results show that the size of the board of directors, the expertise of the audit committee, the size of the audit committee and audit quality has a significant and positive relationship on ROA and Tobin's Q. The audit committee meeting has a significant and positive on Tobin's Q and insignificant on ROA. Next, CEO duality and independent board of directors had no significant relationship with ROA and Tobin's Q. The conclusion of this study indicates a mechanism of internal and external corporate governance can affect the performance of the company. Good corporate governance is important to increase company's performance. The implication of this study is that it may affect to the various parties and include investors, financial institutions, academia, corporations, and governments in making judgments, decisions or improvements to corporate governance and company performance.

Keywords: *Corporate Governance Mechanisms, Audit Quality, Companies Performance.*





KANDUNGAN

Muka Surat

HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Penyataan Masalah	6
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Hipotesis Kajian	11





1.7	Kerangka Konseptual	11
1.8	Sumbangan Penyelidikan	12
1.8.1	Sumbangan Dari Segi Teori	13
1.8.2	Sumbangan Dari Segi Praktikal	14
1.9	Batasan Kajian	16
1.10	Definisi Operasi	16
1.10.1	Tadbir Urus Korporat	17
1.10.2	Mekanisma Tadbir Urus Korporat	18
1.10.3	Lembaga Pengarah	19
1.10.4	Jawatankuasa Audit	20
1.10.5	Kualiti Juruaudit	21
1.10.6	Prestasi Syarikat	22
1.11	Struktur Kajian	23
1.12	Penutup	24
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	25
2.1	Pengenalan	25
2.2	Teori Agensi	26
2.3	Teori Kepimpinan	30
2.4	Teori Pergantungan Sumber	32
2.5	Tadbir Urus Korporat	33
2.5.1	Ketelusan	36
2.5.2	Akauntabiliti	36
2.5.3	Tanggungjawab	37





2.5.4	Kebebasan	37
2.5.5	Keadilan	37
2.6	Prestasi Syarikat	39
2.7	Lembaga Pengarah	41
2.7.1	Ceo Dualiti	43
2.7.2	Lembaga Pengarah Bebas	46
2.7.3	Saiz Lembaga Pengarah	50
2.7.4	Lembaga Pengarah dan Prestasi Syarikat	53
2.8	Jawatankuasa Audit	56
2.8.1	Mesyuarat Jawatankuasa Audit	58
2.8.2	Kepakaran Jawatankuasa Audit	60
2.8.3	Saiz Jawatankuasa Audit	61
2.8.4	Jawatankuasa Audit dan Prestasi Syarikat	63
2.9	Kualiti Audit	66
2.9.1	Saiz Firma Audit (Big-4 dan Non Big-4)	67
2.9.2	Kualiti Audit dan Prestasi Syarikat	70
2.10	Pembangunan Hipotesis	71
2.10.1	Mekanisma Dalaman	72
2.10.1.1	Ceo Dualiti	73
2.10.1.2	Lembaga Pengarah Bebas	78
2.10.1.3	Saiz Lembaga Pengarah	82
2.10.1.4	Mesyuarat Jawatankuasa Audit	85
2.10.1.5	Kepakaran Jawatankuasa Audit	87





2.10.1.6	Saiz Jawatankuasa Audit	90
2.10.2	Mekanisma Luaran	93
2.10.2.1	Kualiti Audit dan Prestasi Syarikat	94
2.11	Penutup	97
BAB 3	METODOLOGI	98
3.1	Pengenalan	98
3.2	Kaedah Penyelidikan	99
3.3	Data Panel	100
3.4	Pembentukan Model	101
3.5	Populasi dan Sampel	103
3.6	Pemboleh Ubah Bersandar	106
3.6.1	Prestasi Syarikat (ROA) dan Tobin's Q	106
3.6.1.1	Pulangan Atas Aset (ROA)	107
3.6.1.2	Tobin's Q	109
3.7	Pemboleh Ubah Tidak Bersandar	111
3.7.1	Lembaga Pengarah	112
3.7.1.1	Ketua Pegawai Eksekutif dualiti	113
3.7.1.2	Lembaga Pengarah Bebas	114
3.7.1.3	Saiz Lembaga Pengarah	115
3.7.2	Jawatankuasa Audit	117
3.7.2.1	Mesyuarat Jawatankuasa Audit	117
3.7.2.2	Kepakaran Jawatankuasa Audit	119
3.7.2.3	Saiz Jawatankuasa Audit	120





3.8	Kualiti Audit (BIG4)	121
3.9	Pemboleh Ubah Kawalan	122
3.9.1	Saiz Firma	123
3.9.2	Leverage	125
3.10	Data dan Analisis Statistik	128
3.10.1	Statistik Deskriptif	130
3.10.2	Korelasi Pearson	131
3.10.3	Regrasi Linear Berganda	132
3.11	Penutup	134
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	135
4.1	Pengenalan	135
4.2	Statistik Deskriptif	136
4.3	Korelasi Pearson	140
4.4	Regresi Linear Berganda	143
4.5	Penutup	158
BAB 5	PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	159
5.1	Pengenalan	159
5.2	Perbincangan	160
5.2.1	Persoalan Kajian 1	160
5.2.2	Persoalan Kajian 2	164
5.2.3	Persoalan Kajian 3	170
5.2.3.1	CEO Dualiti dan Prestasi Syarikat	170





5.2.3.2	Lembaga Pengarah Bebas dan Prestasi Syarikat	173
5.2.3.3	Saiz Lembaga Pengarah dan Prestasi Syarikat	176
5.2.3.4	Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Prestasi Syarikat	179
5.2.3.5	Kepakaran Jawatankuasa Audit dan Prestasi Syarikat	183
5.2.3.6	Saiz Jawatankuasa Audit dan Prestasi Syarikat	185
5.2.3.7	Kualiti Audit dan Prestasi Syarikat	187
5.3	Implikasi Kajian	189
5.3.1	Pelabur	190
5.3.2	Institusi Kewangan	191
5.3.3	Ahli Akademik	191
5.3.4	Syarikat Korporat	192
5.3.5	Kerajaan	193
5.4	Limitasi Kajian	194
5.5	Cadangan Kajian	195
5.6	Penutup	195
	RUJUKAN	196
	LAMPIRAN	222





SENARAI JADUAL

No. Jadual

Muka Surat

3.1	Ringkasan Definisi Pemboleh Ubah	127
3.2	Ringkasan Kaedah Analisis Data	133
4.1	Statistik Diskriptif	140
4.2	Korelasi Pearson	142
4.3	Regresi Linear Berganda	155
4.4	Ringkasan Dapatan Kajian	156





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiv

SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1

Kerangka Konseptual

12



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

CEO	<i>Chief Executive Officer</i> (Ketua Pegawai Eksekutif)
DUAL	Dualiti
PERBODIND	<i>Percent Independent Board Of Director</i> (Lembaga Pengarah Bebas)
BODSIZE	<i>Board Of Director Size</i> (Saiz Lembaga Pengarah)
ACMMET	<i>Audit Committee Meeting</i> (Mesyuarat Jawatankuasa Audit)
PERACEXP	<i>Percent Audit Committee Expertise</i> (Kepakaran Jawatankuasa Audit)
ACSIZE	<i>Audit Committee Size</i> (Saiz Jawatankuasa Audit)
BIG4	Firma Audit BIG4
FMSIZE	<i>Firm Size</i> (Saiz Firma)
LEV	<i>Leverage</i> (Hutang)
FP	<i>Firm Performance</i> (Prestasi Syarikat)
ROA	<i>Return On Assets</i> (Pulangan Atas Aset)
TQ	<i>Tobin's Q</i>
EBT	<i>Earning Before Tax</i> (pendapatan Sebelum Cukai)
MVF	<i>Market Value Of Firm</i> (Nilai Pasaran Firma)
SPSS	<i>Statistical Packages For The Social Science</i>
ROE	<i>Return On Equity</i>
ROS	<i>Return On Sales</i>
EPS	<i>Earning Per Share</i>
ROI	<i>Return On Investment</i>





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xvi

PM	<i>Profit Margin</i>
OCF	<i>Operating Cash Flow</i>
ROCE	<i>Return On Capital Employed</i>
STS	<i>Sales to Assets</i>
ETS	<i>Expenses to Sale</i>
ROFA	<i>Return on Fixed Assets</i>
MVA	<i>Market Value Added</i>
PE	<i>Price Earning Ratio</i>
RET	<i>Abnormal Returns and Annual stock return</i>
CARs	<i>Superior to Cumulative Abnormal Returns</i>
DY	<i>Dividend Yield</i>
MTBV	<i>Market-to-Book Value</i>
MIA	<i>Malaysian Institute of Accountants</i>
IFRS	<i>International Financial Reporting Standards</i>



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvii

SENARAI LAMPIRAN

- A Jadual Statistik Diskriptif
- B Jadual Korelasi Pearson
- C Jadual Analisis Regresi (ROA)
- D Jadual Analisis Regresi (Tobin's Q)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Di negara-negara yang membangun, dengan ekonomi yang agak maju, tadbir urus korporat adalah merupakan isu-isu semasa di dalam perniagaan yang telah lama dibincangkan. Tadbir urus korporat yang baik amat penting, khususnya dalam konteks untuk meningkatkan keyakinan pelabur. Ini kerana, dengan mengamalkan tadbir urus korporat yang baik dan boleh dipercayai, banyak pelaburan yang akan mengalir masuk ke dalam negara. Bagi mengurangkan konflik di antara pemegang saham dan pengurus, Teori Agensi mencadangkan tadbir urus korporat sebagai mekanisme dalam memantau prestasi pengurus dan menyelaraskan matlamat pihak pengurusan dengan kepentingan pihak-pihak berkepentingan (Ahmad Atory, 2007). Pada prinsipnya, tadbir urus korporat adalah berkenaan dengan kepentingan para pemegang saham,



tindakan yang sama rata dengan pemegang saham, peranan semua pihak yang berkepentingan dalam tadbir urus korporat dan ketelusan serta pendedahan.

Kebanyakan kajian yang dibuat terhadap tadbir urus korporat adalah berdasarkan Teori Agensi yang di asaskan oleh Jensen dan Meckling, (2007); Fama, (1980) dan Fama dan Jensen, (1983). Di dalam Teori Agensi ini, ia mengatakan bahawa syarikat yang baik mestilah mempunyai prestasi yang baik dan prestasi yang tinggi, dan ini seterusnya akan dapat mengurangkan kos agensi yang syarikat perlu dan terpaksa tanggung. Tambahan pula, kenyataan ini telah disokong oleh ramai penyelidik, dan di antaranya adalah Gompers, Ishii dan Metrick, (2003), di mana mereka mengatakan bahawa tadbir urus korporat yang baik adalah syarikat yang mempunyai prestasi syarikat yang tinggi.

Telah dapat di kenal pasti bahawa salah satu sebab isu tadbir urus korporat ini timbul adalah dengan adanya pemisahan di antara pemilik dan kawalan. Selain itu, ketidakseimbangan maklumat akan menyebabkan berlakunya konflik di antara pihak prinsipal dan pihak agen, di mana ia akan mengakibatkan penyalahgunaan terhadap aset syarikat. Oleh itu, untuk mengurangkan konflik agensi dan kos agensi, beberapa mekanisma dalaman dan mekanisma luaran telah diperkenalkan melalui Kod Tadbir Urus Korporat (Jensen & Meckling, 1976; Shleifer & Vishny 1997). Tadbir urus korporat yang baik adalah merupakan proses dan sistem yang digunakan oleh pihak pengurusan sesebuah syarikat di dalam menghasilkan nilai jangka panjang secara berterusan kepada pemegang saham tanpa menyetepikan kepentingan pihak lain berdasarkan undang-undang dan norma-norma yang terpakai (Daniri, 2005). Ini dapat disimpulkan bahawa tadbir urus korporat yang lemah akan mengurangkan keyakinan

pelabur untuk membuat pelaburan dan menggalakkan pelabur untuk membuat pelaburan di luar.

Oleh itu, tadbir urus korporat yang baik adalah amat penting kepada sesebuah syarikat untuk menghasilkan prestasi syarikat yang tinggi. Merujuk kepada Teori Agensi, jika sesebuah syarikat itu memberi perhatian yang teliti dengan menjaga kepentingan pemiliknya, maka aset syarikat itu akan diurus dan digunakan dengan cara yang meminimumkan pembaziran dan memaksimumkan keuntungan, dan dengan cara ini, ia akan mengakibatkan keuntungan kepada para pemegang saham (Alix, Rebecca & Clifton, 2011).

1.2 Latar Belakang Kajian

Boleh dikatakan, isu-isu yang berkaitan dengan tadbir urus korporat ini bukanlah sesuatu yang baru kerana ia telah muncul sejak dari kelahiran perbadanan atau syarikat-syarikat tersebut lagi. Walau bagaimanapun, isu ini hanya untuk mendapat perhatian yang serius kerana gelombang pemecatan Ketua Pegawai Eksekutif pada separuh masa pertama pada tahun 1990 dan selepas kebangkrutan syarikat besar iaitu Enron dan World.com pada awal tahun 2000. Selain itu, isu tadbir urus korporat di negara-negara Asia termasuk Malaysia menjadi kebimbangan di akhir tahun 1990 berikutan Krisis Kewangan Asia pada tahun 1997. Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) atau dinamakan sebagai Kod 2001 adalah isu pertama pada tahun 2000 sebagai peristiwa penting dalam pembaharuan dan penambahbaikan terhadap tadbir urus korporat di Malaysia (Nor Haizah, Takiah & Norman, 2006). Ramai

penyelidik berpendapat bahawa tadbir urus korporat yang memainkan peranan penting di dalam mengawal operasi syarikat (Fama, 1980; Fama & Jensen 1983).

Di Malaysia, pelaksanaan tadbir urus korporat merupakan satu perkara yang semakin di terima umum. Malah, telah wujud kesedaran yang tinggi di dalam kalangan sektor korporat tentang kepentingan tadbir urus korporat yang baik. Model tadbir urus korporat di Malaysia adalah mengikut pendekatan *Anglo-Amerika*, di mana ia merujuk kepada model pemegang saham, atau dengan erti kata lain, konsep tadbir urus korporat di Malaysia adalah berdasarkan hubungan agensi (Abdullah, 2004). Undang-undang syarikat di Malaysia telah menetapkan kuasa di antara dua pihak di dalam pengurusan iaitu pemegang saham dan para pengarah. Ia telah dinyatakan dengan jelas menerusi beberapa peruntukan undang-undang di bawah

Akta Syarikat 1965.

Selepas krisis Kewangan Asia pada tahun 1997, negara-negara Asia terutamanya Korea, Malaysia dan Thailand telah memulakan penstrukturan semula terhadap tadbir urus korporat mereka. Krisis kewangan Asia ini berlaku adalah kerana kekurangan ketelusan di dalam menyediakan laporan kewangan, kekurangan penerbitan laporan tahunan dan akauntabiliti, (Mitton, 2002), kekurangan keselamatan pemegang saham minoriti terhadap pihak pengurusan dan pemegang saham besar (Claessens et. al, 1999). Oleh itu, selepas krisis Kewangan Asia 1997, kerajaan memutuskan untuk menambah baik amalan tadbir urus korporat mereka. Pada tahun 1998, pihak kerajaan dan swasta telah mengambil langkah memperkasa undang-undang korporat bagi meningkatkan tahap pengurusan korporat negara. Salah satu daripada langkah yang diambil adalah penubuhan rangka kerja tadbir urus korporat

yang terbaik. Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Kewangan Peringkat Tinggi pada 24 Mac 1998 kerana keperluan untuk menyusun semula kod tadbir urus korporat dan menubuhkan amalan tadbir urus korporat yang baik (Saleh et al., 2007). Jawatankuasa Kewangan Tadbir Urus Korporat telah diuruskan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Kementerian Kewangan.

Husam dan Rekha, (2012) menyatakan sistem tadbir urus korporat adalah berbeza di seluruh dunia tetapi terdapat pandangan umum dalam kalangan pihak berkepentingan bahawa mekanisme tertentu perlu hadir untuk mengurangkan isu-isu atau masalah-masalah seperti salah laku, rasuah dan korupsi iaitu dengan memastikan penzahiran dan ketelusan korporat di wujudkan. Prinsip-prinsip asas Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia ini telah dibahagikan kepada empat bidang termasuk Lembaga Pengarah, imbuhan pengarah, pemegang saham dan akauntabiliti dan audit. Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia ini adalah serupa dengan Kod Tadbir Urus Korporat United Kingdom (www.sc.com.my).

Sektor Perdagangan dan Perkhidmatan dianggap sebagai peneraju pertumbuhan kepada ekonomi Malaysia. Seperti pada tahun 2012, ia telah mencatatkan prestasi yang ketara iaitu sebanyak 54.6% dan KDNK negara diwakili oleh sektor perdagangan dan perkhidmatan iaitu sebanyak RM408.9 bilion. Ekoran daripada prestasi cemerlang yang di tunjukkan secara berterusan oleh sektor perkhidmatan, kerajaan telah meletakkan sektor perkhidmatan sebagai salah satu daya penggerak utama di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi jangka panjang. (Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011).

Menurut Saleh, Iskandar & Rahmat, (2007), Malaysia telah mengambil pelbagai langkah untuk meningkatkan kembali keyakinan pelabur asing yang telah hilang selepas krisis kewangan Asia pada tahun 1997 di pasaran modal. Hasnah, (2009) juga menyatakan, di Malaysia, kebanyakan kes kegagalan tadbir urus korporat pada kebiasaannya adalah berpunca daripada penipuan pekerja, penipuan skema mengeluarkan bil, penipuan penyata kewangan dan penyalahgunaan aset-aset. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk melihat hubungan dan kesan di antara mekanisme tadbir urus korporat dengan prestasi syarikat bagi syarikat-syarikat di Malaysia di dalam sektor Perdagangan dan Perkhidmatan.

1.3 Penyataan Masalah

Teori Agensi sering dikaitkan dengan tadbir urus korporat. Teori agensi adalah hubungan di antara pemegang saham (prinsipal) dan pengurus (ejen), di mana ejen telah di tugaskan untuk melaksanakan perkhidmatan bagi pihak prinsipal (Jensen & Meckling, 1976). Ini bermaksud, prinsipal akan memberi kuasa dan mengeluarkan modal untuk membiayai segala aktiviti syarikat dengan melantik ejen untuk mewakili mereka di dalam mentadbir dan menguruskan syarikat dengan bertujuan untuk mendapatkan keuntungan. Pemisahan di antara prinsipal dan ejen ini akan menimbulkan konflik di mana akan mewujudkan ketidakseimbangan maklumat (*information assymetry*) di antara prinsipal dan ejen (Zubaidah, Nurmala dan Kamaruzaman, 2009).

Bertentangan dengan teori agensi yang memberi tumpuan kepada tingkah laku oportunis pihak pengurusan, teori kepimpinan pula menyatakan bahawa pengurus eksekutif adalah individu yang boleh dipercayai. Teori kepimpinan menganggap bahawa pengurus adalah merupakan para pengurus, di mana tindakan dan kepentingan mereka adalah sejajar dengan objektif syarikat mereka. Teori ini juga mengutarakan hujah bahawa pengurus akan didorong dengan kejayaan organisasi mereka dan dengan itu mereka akan berminat dan berusaha untuk mencapai prestasi yang tinggi kerana mereka ingin mendapatkan pengiktirafan daripada rakan-rakan mereka (Donaldson, L & Davis 1991). Teori kepimpinan memberi tumpuan kepada kepimpinan di mana pemimpin organisasi adalah orang yang boleh dipercayai dan tingkah lakunya adalah sejajar dengan kepentingan pemilik organisasi.

Di sini, timbul isu di mana di dalam teori agensi, pemisahan di antara prinsipal dan ejen akan menimbulkan konflik di mana ejen cenderung untuk memaksimumkan kekayaan peribadinya dan bukan untuk memaksimumkan kekayaan prinsipal. Manakala bagi teori kepimpinan pula, mengatakan bahawa eksekutif dan pengurus merupakan individu yang boleh dipercayai dan oleh itu tidak akan timbul konflik agensi atau agensi kos yang berkaitan dengan eksekutif dan pengurus syarikat.

Disebabkan berlakunya pengasingan di antara pemilikan dan kawalan, banyak syarikat di Malaysia yang terlibat di dalam kes penipuan, salah laku, korupsi dan sebagainya (Hasnah, 2009). Pada tahun 2013, '*Transparency International*', iaitu pertubuhan antarabangsa bagi memerangi rasuah dan segala bentuk penyelewengan di seluruh dunia mendapati bahawa Malaysia menduduki kedudukan ke-53 daripada 177 buah negara di dalam senarai Indeks Persepsi Rasuah dengan catatan 50 mata

(berdasarkan skala 0 bagi terburuk dan 100 bagi paling bersih). Selain itu, KPMG juga menerusi pejabat operasinya di Kuala Lumpur, telah melancarkan buku kajian rasuah dan penipuan berjudul *Fraud, Bribery and Corruption Survey Report 2013* (Laporan Kajian Penipuan, Penyogokkan dan Rasuah 2013). Menurut kajian firma perakaunan, pengauditan dan penasihat percukaian antarabangsa ke-5 terbesar di dunia itu, jumlah penipuan di dalam komuniti perniagaan di Malaysia meningkat sebanyak 98 peratus di dalam tempoh masa tiga tahun iaitu pada tahun 2010, 2011 dan 2012. Masalah tersebut menunjukkan bahawa, dari segi tadbir urus korporat, syarikat-syarikat di Malaysia kurang diberi perhatian oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab. Oleh itu, mekanisme tadbir urus korporat (lembaga pengarah, jawatankuasa audit dan kualiti audit) dijangka dapat membantu di dalam mengurangkan masalah dan kos agensi, seterusnya dapat meningkatkan prestasi

syarikat.  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk meneliti hubungan dan kesan di antara mekanisme tadbir urus korporat dalaman (ciri-ciri lembaga pengarah, dan ciri-ciri jawatankuasa audit) dan mekanisme tadbir urus korporat luaran (kualiti audit) dengan prestasi syarikat bagi syarikat-syarikat dalam sektor perdagangan dan perkhidmatan yang tersenarai di Bursa Malaysia. Sektor Perdagangan dan Perkhidmatan di pilih sebagai sampel di dalam kajian ini adalah kerana, ia dianggap sebagai peneraju pertumbuhan kepada ekonomi Malaysia. Seperti pada tahun 2012, ia telah mencatatkan prestasi yang ketara iaitu sebanyak 54.6% dan KDNK negara diwakili oleh sektor perdagangan dan perkhidmatan iaitu sebanyak RM408.9 bilion.

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

Namun begitu, menurut kajian yang di jalankan oleh KPMG di dalam buku kajian rasuah dan penipuan yang berjudul *Fraud, Bribery and Corruption Survey Report 2013* (Laporan Kajian Penipuan, Penyogokkan dan Rasuah 2013), mereka melaporkan seramai 62% responden menyatakan bahawa penipuan paling banyak berlaku di dalam sektor Perdagangan dan Perkhidmatan bagi tahun 2010, 2011 dan 2012 iaitu sebanyak 26%. Ia merupakan sektor yang tertinggi berlakunya penipuan berbanding dengan sektor-sektor lain. Oleh itu, di dalam kajian ini, sektor perdagangan dan perkhidmatan ini di pilih sebagai sampel bagi mengkaji hubungan dan kesan di antara mekanisme tadbir urus korporat dalaman dan luaran dengan prestasi syarikat.

Sebelum ini, kebanyakan kajian penyelidikan tadbir urus korporat hanya memberi tumpuan kepada keberkesanan mekanisme tadbir urus korporat dalaman di dalam menyelesaikan konflik di antara pemegang saham dan agensi pengurus. Walau bagaimanapun, ia semakin disedari bahawa hubungan kontrak yang mempunyai organisasi dengan pelbagai entiti di dalam persekitaran luaran, seperti pelanggan, pembekal, akauntan, peguam, anak-anak syarikat di luar negara dan rakan-rakan rangkaian, juga boleh mengalami masalah yang sama iaitu berkaitan dengan jurang ketidaksamarataan maklumat dan tingkah laku pihak yang mementingkan diri sendiri.

Oleh itu, penyelidikan terhadap mekanisme luaran tadbir urus korporat perlu dipertingkatkan supaya syarikat boleh menangani masalah-masalah ini dan dapat mengurangkan kos agensi (Igor dan Chizu, 2010). Mekanisme luaran tadbir urus korporat adalah kaedah bagi memastikan tindakan pengurusan membawa kepada pemaksimuman nilai pemegang saham dan tidak memudaratkan kumpulan pemegang

kepentingan lain dan yang berada di luar kawalan sistem tadbir urus korporat. Di dalam kajian ini, penulis mengkaji satu ciri mekanisma tadbir urus korporat luaran iaitu kualiti audit.

1.4 Persoalan Kajian

- i. Apakah nilai purata mekanisma tadbir urus korporat dalaman dan luaran bagi syarikat di bawah sektor perdagangan dan perkhidmatan.
- ii. Adakah terdapat hubungan di antara mekanisma tadbir urus korporat dalaman dan luaran dengan prestasi syarikat.
- iii. Adakah terdapat kesan di antara mekanisma tadbir urus korporat dalaman dan luaran dengan prestasi syarikat.

1.5 Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti nilai purata mekanisma tadbir urus korporat dalaman dan luaran bagi syarikat di bawah sektor perdagangan dan perkhidmatan.
- ii. Mengkaji hubungan di antara mekanisma tadbir urus korporat dalaman dan luaran dengan prestasi syarikat.
- iii. Mengkaji kesan di antara mekanisma tadbir urus korporat dalaman dan luaran dengan prestasi syarikat.